

PM dedah rahsia kemajuan Malaysia

21 DEC 1993

PULAU PINANG 20 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan rahsia kemajuan ekonomi Malaysia di tengah-tengah kemelesetan ekonomi dunia yang berasaskan kepada keamanan dan kedamaian.

“Saya berpendapat, bahawa faktor yang utama ialah rakyat Malaysia sendiri. Rakyat Malaysia yang berbilang kaum yang mengutamakan keamanan dan kedamaian.

“Dan dengan ini kita dapat terus membangunkan ekonomi negara,” katanya ketika berucap pada majlis jamuan malam Barisan Nasional Pulau Pinang di sini malam ini.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Dr. Koh Tsu Koon, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Ketua Menteri, Tun Dr. Lim Chong Eu.

Perdana Menteri berkata, jika negara tidak aman, tidak mungkin ekonomi ne-

gara akan tumbuh pesat seperti sekarang.

“Lihat sajalah negara-negara berbilang kaum yang lain yang tidak ada keamanan sama sekali. Kita lihat (apa yang berlaku) di Ireland Utara, Asia Barat, Bosnia dan Latin Amerika. Dan dengan itu, ekonomi tidak pesat,” tambah beliau.

Beliau berkata, di Malaysia, penduduknya bukan sahaja pelbagai kaum tetapi juga pelbagai agama, bahasa dan budaya tetapi mereka mempunyai hubungan yang baik.

“Jikalau tidak ada perhubungan, sekurang-kurangnya tidak bermusuhan,” ujarinya.

Dr. Mahathir berkata, faktor utama rakyat boleh hidup rukun damai ialah berikutan satu penemuan yang dibuat secara kebetulan sahaja.

“Formula itu ditemui oleh para pemimpin yang lalu di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman.

Formulanya mudah iaitu konsep Perikatan yang menuntut ketiga-tiga kaum terbesar bekerjasama.

“Formula inilah yang membolehkan kita bekerjasama. Hari ini Perikatan sudah menjadi Barisan Nasional yang mempunyai 13 buah parti.

“Tetapi kita tidaklah berebut-rebut sehingga kita tidak dapat bekerjasama, sebaliknya kita tahu bertolak ansur,” tambah beliau.

Dr. Mahathir berkata, falsafah Barisan Nasional (BN) perlu dikekalkan jika negara ingin mencapai matlamat Wawasan 2020.

Katanya, perpaduan dan hubungan antara kaum yang baik perlu dipelihara terutama di peringkat kepimpinan supaya keputusan dapat diambil untuk kepentingan semua pihak.

Sempena dengan majlis itu, beliau memotong kek hari lahirnya yang ke-69 yang jatuh pada hari ini sambil disaksikan oleh lebih 1,300 hadirin.